

BAB 5

LATAR BELAKANG DAN PERANAN UNIT KAWALAN PENERBITAN , KEMENTERIAN DALAM NEGERI

5.1 PENGENALAN

Unit Kawalan Penerbitan adalah salah satu daripada tiga unit yang terletak dalam Bahagian ‘C’, Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dua unit yang lain ialah Unit Penapisan Filem dan Unit Kawalan Al-Quran. Ketiga-tiga unit berkenaan diketuai oleh Setiausaha Bahagian. Objektif utama Unit Kawalan Penerbitan adalah untuk memastikan keamanan dan keselamatan negara terjamin oleh ancaman daripada penerbitan-penerbitan yang tidak diingini.

Unit Kawalan Penerbitan juga memastikan penerbitan-penerbitan yang diimport dan penerbitan-penerbitan tempatan mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987). Selain itu, Unit Kawalan Penerbitan turut bertanggungjawab untuk memastikan semua pengusaha-pengusaha percetakan memenuhi kehendak Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987. Unit Kawalan Penerbitan kini beribu pejabat di Blok D, Bangunan Pentadbiran Kerajaan, Putrajaya. Cawangan-cawangan Unit Kawalan Penerbitan pula terdapat di negeri Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak.

Di bawah pentadbiran ibu pejabat Unit Kawalan Penerbitan terdapat empat unit iaitu Penerbitan Bahasa Inggeris dan Antarabangsa, Penerbitan Bahasa Cina, Inggeris dan Majalah Tempatan, Penerbitan Bahasa Melayu dan Pintu Masuk, Pentadbiran Am dan Permit Penerbitan Lesen Mesin Cetak. Di bawah unit Pentadbiran Am dan Permit Penerbitan Lesen Mesin Cetak pula dibahagikan kepada dua unit kecil lain, iaitu Lesen Mesin Cetak serta Pentadbiran dan Permit Penerbitan.(Dokumen KDN)

5.2 FUNGSI UNIT KAWALAN PENERBITAN

Unit Kawalan Penerbitan berfungsi mencegah kemasukan dan pengedaran penerbitan-penerbitan yang boleh memudaratkan keselamatan negara, ketenteraman awam, kemoralan dan menyentuh perkara-perkara lain yang bertentangan dengan Seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987) dan undang-undang lain yang berkaitan.

Unit ini juga menentukan perusahaan mesin cetak tidak digunakan untuk aktiviti percetakan yang bertentangan dengan akta tersebut dan undang-undang yang berkaitan.

Kewujudan Unit ini juga bertujuan mengawal dan mengeluarkan lesen mesin cetak di bawah Seksyen 3, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987) dan mengawal percetakan penerbitan demi pematuhan kepada undang-undang.

5.3 SEJARAH RINGKAS UNIT KAWALAN PENERBITAN

Unit Kawalan Penerbitan adalah berasal dari ‘Chinese Secretariat’ (C.S.) yang ditubuhkan pada zaman penjajahan British. Perkembangan Unit Kawalan Penerbitan bermula pada tahun 1951 apabila dua orang pegawai dilantik sebagai Pembaca Cina untuk mengawal penerbitan-penerbitan yang diimport di bawah kelolaan seorang Pegawai Urusan Cina (PUC) dalam ‘Chinese Secretariat’ di Kuala Lumpur. (Dokumen KDN:2000).

Dua orang lagi Pembaca Cina dilantik bagi tujuan yang sama di bawah kelolaan seorang PUC dalam ‘Chinese Secretariat’ di Johor pada 1954. Selepas negeri Johor, Pulau Pinang juga telah menubuhkan ‘Chinese Secretariat’ dengan melantik dua orang Pembaca Cina tambahan di bawah kelolaan seorang PUC.

Pada tahun 1957, ‘Chinese Secretariat’ telah dimansuhkan dan fungsinya diambilalih oleh Cawangan Penerbitan, Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan (MIJ). Sehubungan dengan itu pada tahun 1959, Pegawai Pembaca telah digazet sebagai Pegawai Berkuasa dan semua PUC sebagai Pengawal berkuatkuasa pada 19.2.1959. Dua orang Pembaca Cina dilantik sebagai Ketua Pembaca pada tahun 1960. Peperiksaan Pembaca Cina mula diadakan pada 1972 dan lebih banyak Pembaca Cina telah dilantik selepas itu.

Dua tahun kemudian barulah dua orang Pembaca Melayu dilantik untuk memeriksa penerbitan-penerbitan berbahasa Melayu. Pada tahun 1976, penyusunan semula telah dilaksanakan dan Skim Perkhidmatan Pembaca ditukarkan menjadi Skim Perkhidmatan Pemeriksa Penerbitan. Pada tahun 1979,

Cawangan Penerbitan (Kuala Lumpur) berpindah dari Bangunan Sultan Abdul Samad ke Tingkat 2, Bangunan Straits Trading. Pada awal tahun 1980-an, menyaksikan perkembangan negara dalam bidang penerbitan. Bagi mengisi keperluan tenaga kerja dalam bidang itu, sebilangan besar Pemeriksa Penerbitan telah dilantik di bawah Operasi Isi Penuh.

Empat unit baru telah ditubuhkan pada 1982. Unit-unit tersebut dikenali sebagai unit Penerbitan Bahasa Inggeris dan Antarabangsa, Penerbitan Bahasa Cina, Inggeris dan Majalah Tempatan, Penerbitan Bahasa Melayu dan Pintu Masuk, Pentadbiran Am dan Permit Penerbitan Lesen Mesin Cetak. Unit ini berfungsi untuk memeriksa bahan-bahan penerbitan dalam bahasa Inggeris, Arab, Melayu dan Tamil. Aktiviti unit ini dibahagikan kepada lima aktiviti iaitu memproses permohonan Permit Penerbitan dan mengeluarkan Permit Penerbitan, memproses permohonan Lesen Mesin Cetak dan mengeluarkan Lesen Mesin Cetak, menjalankan pemeriksaan dan kawalan penerbitan di semua pintu masuk melalui darat, laut dan udara. Aktiviti unit ini yang lain termasuklah naziran, tinjauan dan pemeriksaan penerbitan di premis-premis percetakan, penerbitan, kedai-kedai buku, pameran serta membuat analisa dan kajian ke atas penerbitan. (Dokumen KDN:2001). Semua Unit berkenaan beroperasi di Tingkat 1, Bangunan Straits Trading hingga Mac 2001. Manakala pada April 2001, Unit Kawalan Penerbitan telah berpindah sepenuhnya ke Putrajaya.

5.4 SEJARAH RINGKAS UNDANG-UNDANG KAWALAN PENERBITAN

Sistem akhbar berkembang di bawah sistem pemerintahan Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat yang ditubuhkan pada 1 April 1867. Di bawah sistem pemerintahan ini penetapan dibuat melalui undang-undang mengasingkan kuasa antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Undang-undang juga menamatkan Gabenor sebagai seorang Hakim. Bagaimanapun, Hakim Besar dilantik duduk di dalam majlis perundangan sebagai anggota *ex officio*. Di bawah sistem pemerintahan baru ini undang-undang berhubung dengan larangan terhadap penerbitan hasutan diperkenalkan dalam tahun 1915 dan pelesenan mesin cetak diwajibkan mulai tahun 1920 di Negeri-negeri Selat dan 1924 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan akhirnya permit penerbitan diwajibkan melalui pindaan undang-undang tahun 1939 di Negeri-negeri Selat. (Mohd. Safar Hasim:1996)

Perubahan dasar terhadap akhbar dalam tempoh ini khususnya selepas tahun 1911 hingga 1941 merupakan tindakbalas kerajaan terhadap perkembangan politik dalam negeri akibat perkembangan politik luar negara. Ada empat kejadian yang berlaku dalam tempoh tersebut menyebabkan undang-undang yang berkaitan dengan akhbar diperkenalkan. Pertama, Perang Dunia Pertama; kedua, pemberontakan di Singapura dalam tahun 1915; ketiga, gerakan Kuomintang; keempat, kegiatan Jerman dan Jepun untuk meningkatkan propagandanya di Singapura beberapa tahun sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua di Pasifik. Minat Jepun dan Jerman terhadap Singapura antaranya ialah, kerana ia mempunyai pangkalan tentera laut yang dianggap sebagai kubu British di Timur.

Mulai tahun 1911 hingga tahun 1930-an kerajaan terpaksa menghadapi masalah gerakan politik di kalangan masyarakat Cina, khususnya gerakan Kuomintang.

Pelesehan mesin cetak tahun 1920 adalah usaha kerajaan untuk mengawal pergerakan ini. Mulai tahun 1935 dan hingga Perang Dunia Kedua, perhatian kerajaan tertumpu kepada gerakan Jepun untuk mempengaruhi penduduk tempatan khususnya masyarakat Cina. Pengenalan undang-undang akhbar mewajibkan permit diambil untuk penerbitan akhbar dan majalah adalah tindakan terus kepada masalah itu, termasuk juga syarat bahasa akhbar yang hendak diterbitkan .

Apabila Malayan Union dirasmikan pada 1 April 1946, kerajaan ini mengambil langkah memastikan pengusaha mesin cetak dan penerbitan akhbar mematuhi undang-undang mesin cetak dan penerbitan. Ia tidak menwujudkan undang-undang sendiri sebaliknya hanya mengambil undang-undang mesin cetak dan penerbitan yang sebelum Perang Dunia Kedua berkuatkuasa di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu. Undang-undang itu ialah Ordinan Mesin Cetak Negeri-negeri Selat (Bab 208), Enakmen Mesin Cetak Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Bab 89), Enakmen Mesin Cetak Johor No. 100, Enakmen Mesin Cetak Kedah No 85, Enakmen Mesin Cetak Perlis 1351, Enakmen Mesin Cetak Kelantan, dan Enakmen Penerbitan Hasutan dan Mesin Cetak Terengganu 1352. Kerajaan Malayan Union menguatkuasakan undang-undang itu di Tanah Melayu dengan mewartakannya pada 24 April 1946, iaitu setelah selesai urusan pembentukan kerajaan Malayan Union. (Dokumen KDN:2001)

Warta kerajaan itu memerlukan sesiapa yang menyimpan dan menggunakan mesin cetak untuk mencetak dokumen (yang termasuk juga akhbar) supaya memohon lesen mengikut peruntukan undang-undang yang tertulis tersebut. Keperluan-keperluan lain ialah memasukkan nama dan alamat pencetak di atas dokumen (termasuk akhbar). Adalah menjadi kesalahan untuk pengedar dokumen (termasuk akhbar) tanpa nama atau alamat pencetak. Selain itu tuan punya akhbar perlu membuat pengisytiharan di dalam Daftar Akhbar mengenai akhbar yang hendak diterbitkan. Warta itu mengingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika pihak yang terbabit gagal memenuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam undang-undang yang disebutkan itu dan boleh dihukum sebagai peruntukan.

Dalam perundingan membentuk gagasan baru bagi menggantikan Malayan Union yang diadakan tidak lama selepas itu, soal-soal percetakan dan penerbitan diletakkan di bawah Kerajaan Pusat (iaitu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu). Untuk menunjukkan bahawa kawalan melalui undang-undang terhadap akhbar dianggap perlu oleh kerajaan, empat bulan selepas Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada 1 Februari 1948, pejabat Peguam Negara sudah menyiapkan draf undang-undang yang disatukan. Ordinan Mesin Cetak 1948 (No.12 1948) diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 6 Julai 1948. (Mohd. Safar Hasim:1996). Ordinan Mesin Cetak 1948 ini bertujuan mengawal selia pemilikan mesin cetak dan percetakan dokumen dan akhbar. Seksyen 3 Ordinan itu ialah mengenai permit mencetak dan menerbitkan akhbar.

Dalam tahun 1948 juga, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menggubal satu undang-undang berkaitan hasutan yang melibatkan akhbar, yang mana sesebuah akhbar menerbitkan perkara-perkara hasutan boleh digantung atas arahan mahkamah. Undang-undang ini bertujuan membendung kebangkitan komunis tetapi ia tidak menghalang mereka dari melancarkan keganasan di seluruh negara, untuk secara rasminya selama 12 tahun. (Mohd. Safar Hasim:1996)

Pindaan terhadap Ordinan Mesin Cetak 1948 dibuat pada bulan Julai 1957, sebagai persediaan ke arah negara Merdeka. Di bawah pindaan itu akhbar yang dicetak di luar Persekutuan perlu mendapat permit untuk menjual dan mengedar di Persekutuan. Selain itu, peruntukan juga diadakan untuk memberi kuasa menggeledah dan menahan akhbar “haram” oleh pihak berkuasa polis, pos dan kastam. Hukuman juga dikenakan terhadap pemilikan tanpa sebab sah akhbar “haram” untuk tujuan penerbitan, jualan, atau pengedaran. Undang-undang ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 1958.

Keadaan Darurat ditamatkan secara rasmi pada 29 Julai 1960 dengan membuat satu pengisyiharan. Berikutan dengannya, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah diperundangkan yang memperuntukkan keselamatan dalam negeri, tahanan cegahan, mencegah subversif, mengambil tindakan terhadap keganasan yang diatur terhadap orang dan harta benda.

Pada tahun 1962 , ‘*The Printing Press Ordinance*’ dan ‘*The Control Of Imported Publications Ordinance*’ telah dijadikan sebagai ‘Akta’. Manakala pada

tahun 1984 pula, ‘*The Printing Press Act 1948*’ dan ‘*The Control of Imported Publications Act 1958*’ telah dicantum menjadi ‘Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan’.

5.5 TUJUAN DAN MATLAMAT AKTA 301, AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984 (PINDAAN) 1987

Akta 301, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 adalah suatu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan, mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

‘Mesin Cetak’ ertinya mesin, perkakas atau benda untuk mencetak, menyalin atau menghasilkan semula apa-apa dokumen yang diperihalkan dalam Jadual 1 (**subseksyen (2) Seksyen 3**) yang menyebut ‘Mesin Cetak’ sebagai Ceparas, bitografi, Graver, Intaglic atau apa-apa proses percetakan lain yang boleh mencetak dengan kadar 1.000 teraan sejam atau lebih.

5.6 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DALAM AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984 (PINDAAN) 1987

5.6.1 Seksyen 3

Subseksyen (1) – Tiada seorang pun boleh menyimpan untuk digunakan atau mengguna mesin cetak melainkan jika dia telah diberi lessen di bawah subseksyen (3)

Subseksyen (2) 'Mesin Cetak' sebagai Ceparas, bintografi, Graver, Intaglic atau apa-apa proses percetakan lain yang boleh mencetak dengan kadar 1.000 teraan sejam atau lebih.

Subseksyen (4) – mana-mana orang yang menyimpan untuk digunakan atau mengguna mesin cetak tanpa lessen sah yang diberi di bawah subseksyen (3), atau berlanggaran dengan mana-mana syarat yang dikenakan di dalamnya, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (\$20,000/-) atau kedua-duanya dan deposit yang disimpan di bawah Seksyen (10) bolehlah dilucutkan.

5.6.2 Seksyen 4

Subsyeksyen (1) – Mana-mana orang yang mencetak atau menghasilkan atau menyebab atau membenarkan dicetak atau dihasilkan dengan mengguna mesin cetak atau mesinnya apa-apa hasil penerbitan atau dokumen:

- a) yang lucah atau selainnya bertentangan dengan kesopanan awam;
atau
- b) yang mengandungi perkara mengganas terhadap orang-orang atau hart menggalakkan pencabulan undang-undang atau terhadap apa-apa perintah yang sah di sisi undang-undang atau yang melakukan pecah keamanan atau yang mungkin membawa kepada pecah

keamanan atau menggalakkan perasaan niat jahat, perseteruan, permusuhan, kebencian, ketakharmonian atau pecah belah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkaan boleh di kenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (\$20,000/-) atau kedua-duanya.

5.6.3 Seksyen 5

Subseksyen (1) – Tiada seorangpun boleh mencetak, mengimport, menerbit, menjual, mengelilingi atau mengedar atau menawar untuk menerbitkan menjual, mengelilingi atau mengedar apa-apa akhbar yang dicetak di Malaysia atau Singapura melainkan jika permit dibawah perenggan (a) atau (b) Subseksyen (1) Seksyen 6 telah diberi oleh Menteri berkenaan dengan akhbar itu.

Subsyeksyen (2) – Mana-mana orang yang:

- a) mencetak apa-apa akhbar yang berkenaan dengannya permit telah tidak diberi atau yang berkenaan dengannya permit telah dibatalkan atau digantung; atau
- b) mengimport, menerbit, menjual, mengeliling atau mengedar, atau menawar untuk menerbit, menjual, mengeliling atau mengedar, atau ada dalam miliknya bagi apa-apa juga maksud seperti itu, apa-apa akhbar yang dicetak di Malaysia atau

Singapura yang berkenaan dengannya tiada permit telah diberi atau yang berkenaan dengannya permit telah dibatalkan atau digantung, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (\$20,000/-) atau kedua-duanya.

5.6.4 Seksyen 8 (KESALAHAN)

Subseksyen (1) – Orang yang memiliki apa-apa hasil penerbitan larangan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit (\$5,000/-).

Subseksyen (2) – Orang yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluarkan, mengeliling, menawarkan untuk menjual, mengedar apa-apa hasil penerbitan larangan, jika disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (\$20,000/-) atau kedua-duanya.

Seksyen 8 (1) – Jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar, maka pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berita itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau

denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

5.6.5 Seksyen 11

Subseksyen (1) – Tiap-tiap hasil penerbitan yang dicetak atau diterbitkan dalam Malaysia hendaklah dicetakkan nama dan alamat pencetak dan penerbitnya dengan mudah dibaca dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris pada lembaran pertama atau akhir.

Subseksyen (2) – Apa-apa hasil penerbitan yang tidak mempunyai nama dan alamat pencetak dan penerbit boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi setahun (1) atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit (\$5,000/-) atau kedua-duanya.

5.6.7 Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 (Akta 82)

Seksyen 22 Larangan cetakan, jualan, dan lain-lain dokumen-dokumen dan penerbitan-penerbitan. Apabila ternyata kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi mesin-mesin cetak dan penerbitan-penerbitan bahawa mana-mana dokumen atau penerbitan:

- a) Mengandungi apa-apa yang menghasut kepada keganasan;
- b) Menasihatkan keingkaran kepada undang-undang atau kepada mana-mana perintah sah;
- c) Yang dijangka atau mungkin membawa kepada pecah keamanan, atau menggalakkan perasaan permusuhan di antara berbagai bangsa atau kelas-kelas penduduk; atau
- d) Adalah mudarat kepada kepentingan negara, ketenteraman awam, atau

keselamatan Malaysia.

ia boleh dengan perintah disiarkan dalam warta melarang samaada dengan mutlaknya, atau tertakluk kepada syarat-syarat tertentu sebagaimana yang akan ditentukan di dalamnya cetakan, penerbitan, jagaan atau awasan yang sempurna bagi dirinya, dan dia tidak tahu dan tidak ada sebab untuk mensyaki kedudukan dokumen atau penerbitan.

5.6.8 Seksyen 26. Mengimport dengan melanggar perintah di bawah Seksyen 22

Seseorang yang mengimport atau cuba mengimport atau bersubahat mengimport apa-apa dokumen atau penerbitan atau tanpa alasan yang sah memiliki apa-apa dokumen atau penerbitan yg diimport dengan melanggar suatu perintah di bawah Seksyen 22 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan kesalahannya, akan dikenakan bagi kesalahan yang pertama denda tidak melebihi seribu ringgit atau dikenakan penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali dan, bagi kesalahan berikutnya, dikenakan penjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun.

5.6.9 Akta Hasutan 1948

Seksyen 4 (1) (C) Mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan ulang apa-apa penerbitan menghasut:
atau

Seksyen 4 (1) (d) mengimport apa-apa penerbitan menghasut,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh bagi kesalahan pertama dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun; dan apa-apa penerbitan menghasut yang didapati dalam milik orang itu atau yang digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraannya hendaklah dirampas dan boleh dimusnahkan atau dilepaskan dengan apa-apa cara lain mengikut sebagaimana diarah oleh mahkamah.

Seseorang yang ada dalam miliknya dengan tiada apa-apa sebab yang sah apa-apa penerbitan menghasut adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lapan belas tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kemudian boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun, dan penerbitan itu hendaklah dirampas dan boleh dimusnahkan atau dilepaskan dengan apa-apa cara lain mengikut sebagaimana diarah oleh mahkamah.

5.6.10 Kanun Kesiksaan

Seksyen 292 Menjual, dsb. Buku-buku, dsb. yang lucah.

(b) mengimport, mengeksport atau membawa apa-apa benda yang lucah bagi apa-apa maksud yang tersebut itu, atau dengan mengetahui atau

dengan ada sebab mempercayai bahawa benda itu akan dijual, disewakan, dibahagi-bahagikan atau ditunjukkan secara awam atau dengan apa-apa cara diedar;

hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga bulan, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

5.6.11 Akta Kastam 1967 (Disemak 1980) Akta 253

Sek. 135(1) whoever:

(a) Is concerned in importing or exporting any uncustomed goods or any prohibited goods contrary to such prohibited goods be shipped, unshipped, delivered or not.

(b) being a passenger or other person is found to have in his baggage or upon his person or otherwise in his possession, after having denied that he has any dutiable or prohibited goods in his baggage or upon his person otherwise in his possession, any dutiable or prohibited goods.

(c) (iii) in case of prohibited goods be liable to a fine of not less than ten times the value of goods or ten thousand ringgit, whichever is the lesser amount and of not more than ten thousand ringgit whichever is the greater amount. Provided that where the value or the goods cannot be ascertained the penalty may amount to fine not exceeding ten thousand ringgit.

Bahagian 1, Jadual Pertama paragraph 2

(Absolute Prohibition) P.O. (A) 408 m.s. 2735

Indecent or obscene print, painting, photograph, book, card lithographic or other engraving or any other indecent or obscene articles.